

SULIT



KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2022

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang menjalankan kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2022. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mengkaji kesejahteraan keluarga di Malaysia. Kami berminat untuk mengetahui mengenai kesejahteraan keluarga anda meliputi aspek hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan, keselamatan, keterlibatan komuniti, peranan agama dan amalan kerohanian, perumahan dan persekitaran dan teknologi digital. Pandangan yang anda berikan dalam soal selidik ini akan dijadikan rujukan oleh pihak kami dalam merangka pelbagai program untuk meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga Malaysia.

Panduan

1. Sila jawab semua soalan dengan jujur dan ikhlas.
2. Anda boleh menukar jawapan, jika perlu berbuat demikian.
3. Saya telah membaca dan memahami maklumat yang diberikan serta berpeluang untuk bertanyakan soalan. Saya faham bahawa penyertaan saya adalah secara sukarela dan saya bebas untuk menarik diri.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi urusetia di talian berikut:

1. Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Mohd Sobhi Ishak, UKM Pakarunding (012-2015528)
2. Tn. Hj. Ahmad Zul Hakimi Hassim, UKM Pakarunding (013-4927693)

BUTIR-BUTIR PENGENALAN (UNTUK KEGUNAAN ENUMERATOR SAHAJA)

Nama Enumerator	
No. Telefon Enumerator	
Kod Negeri	

Lokaliti Bandar Luar Bandar

No. Blok Penghitungan	BP.....
No. Tempat Kediaman	TK.....
No. Tel. Responden (jika dibenarkan)	

Jenis Keluarga

Keluarga Tanpa Anak (tiada anak)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Asas (bapa, ibu dan anak)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Luas (bapa, ibu, anak dan ahli keluarga lain)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Tunggal (ibu/bapa tunggal dan anak)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Gabungan (bapa/ibu tiri dan adik beradik tiri)	<input type="checkbox"/>
Keluarga di mana anak tidak lagi tinggal bersama (tinggal bapa dan ibu sahaja)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Jagaan Datuk-Nenek (anak dipelihara oleh Datuk dan Nenek)	<input type="checkbox"/>
Keluarga Tidak Konvensional (keluarga besar hasil poligami – suami, beberapa isteri dan anak)	<input type="checkbox"/>

Soalan Saringan:

Adakah anda mempunyai anak dalam lingkungan umur **3 hingga 24 tahun?**

Ya sila jawab **SEMUA BAHAGIAN**

10. Berapakah pendapatan bulanan kasar keluarga anda?

Kurang daripada RM2,500	<input type="text"/>	RM5,881 - RM7,100	<input type="text"/>
RM2,501 - RM3,170	<input type="text"/>	RM7,101 - RM8,700	<input type="text"/>
RM3,171 - RM3,970	<input type="text"/>	RM8,701 - RM10,970	<input type="text"/>
RM3,971 - RM4,850	<input type="text"/>	RM10,971 - RM15,040	<input type="text"/>
RM4,851 - RM5,880	<input type="text"/>	RM15,041 dan lebih	<input type="text"/>

BAHAGIAN B

Seksyen ini mengandungi pernyataan mengenai **Skala Hubungan Keluarga** anda

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

B-1: Kesepaduan

11.	Keluarga kami saling membantu antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
12.	Keluarga kami menghabiskan banyak masa bersama melakukan aktiviti di rumah.	1	2	3	4	5
13.	Keluarga kami membuat kerja di rumah dengan bertanggungjawab.	1	2	3	4	5
14.	Keluarga kami mempunyai rasa kebersamaan.	1	2	3	4	5
15.	Ahli keluarga saya sangat menyokong antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
16.	Saya bangga menjadi sebahagian daripada keluarga kami.	1	2	3	4	5
17.	Keluarga kami saling sependapat antara satu sama lain.	1	2	3	4	5

B-2: Ekspresif

18.	Keluarga kami boleh berkomunikasi secara terbuka di rumah.	1	2	3	4	5
19.	Kadangkala keluarga kami berkongsi masalah peribadi sesama ahli keluarga.	1	2	3	4	5
20.	Keluarga kami mudah untuk memulakan perbincangan.	1	2	3	4	5

B-3: Konflik

21.	Ada antara ahli keluarga kami yang kerap berselisih pendapat.	1	2	3	4	5
22.	Ada antara ahli keluarga kami yang kerap marah antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
23.	Ada antara ahli keluarga kami yang mudah hilang sabar.	1	2	3	4	5
24.	Ada antara ahli keluarga kami kerap merendahkan antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
25.	Kadangkala, ahli keluarga kami bertindak ganas.	1	2	3	4	5
26.	Ada antara ahli keluarga kami akan meninggikan suara apabila marah.	1	2	3	4	5

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Tidak Berkaitan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
0	1	2	3	4	5

B-4: Perhubungan Suami-Isteri

27.	Pasangan saya dan saya berbual dengan kerap.	0	1	2	3	4	5
28.	Pasangan saya dan saya boleh mengatasi konflik dan menerima perbezaan kami.	0	1	2	3	4	5
29.	Pasangan saya dan saya meminati aktiviti riadah yang sama.	0	1	2	3	4	5
30.	Pasangan saya dan saya adalah komited terhadap perkahwinan kami.	0	1	2	3	4	5

Nota: Tidak berkaitan (0) adalah bagi status perkahwinan belum berkahwin, bercerai/berpisah, duda/balu.

31. Tandakan LIMA (5) CABARAN UTAMA yang SEDANG DIHADAPI oleh keluarga anda.

- | | | | |
|------------------------------|----------------------|--|----------------------|
| a. Pengaruh luar | <input type="text"/> | i. Kurang nilai murni | <input type="text"/> |
| b. Masalah sosial | <input type="text"/> | j. Ketegangan hubungan suami/isteri | <input type="text"/> |
| c. Masalah kewangan | <input type="text"/> | k. Ketegangan hubungan ibu bapa dan anak | <input type="text"/> |
| d. Masalah komunikasi | <input type="text"/> | l. Kecurangan suami/isteri | <input type="text"/> |
| e. Masalah kesihatan fizikal | <input type="text"/> | m. Kurang kefahaman agama | <input type="text"/> |
| f. Masalah kesihatan emosi | <input type="text"/> | n. Keganasan fizikal | <input type="text"/> |
| g. Kesan pandemik COVID-19 | <input type="text"/> | o. Tiada cabaran | <input type="text"/> |
| h. Bencana alam | <input type="text"/> | p. Lain-lain (Nyatakan: _____) | <input type="text"/> |

32. Tandakan LIMA (5) NILAI MURNI yang paling penting dalam kehidupan keluarga anda secara umum.

- | | | | |
|------------------------------|----------------------|----------------------------|----------------------|
| a. Akhlak/peribadi mulia | <input type="text"/> | k. Amanah | <input type="text"/> |
| b. Kasih sayang | <input type="text"/> | l. Berilmu | <input type="text"/> |
| c. Hormat-menghormati | <input type="text"/> | m. Baik hati | <input type="text"/> |
| d. Kejujuran | <input type="text"/> | n. Keadilan | <input type="text"/> |
| e. Taat kepada suruhan agama | <input type="text"/> | o. Kebersihan | <input type="text"/> |
| f. Harmoni | <input type="text"/> | p. Kerajinan | <input type="text"/> |
| g. Berfikiran positif | <input type="text"/> | q. Kerjasama | <input type="text"/> |
| h. Bersyukur | <input type="text"/> | r. Kesederhanaan | <input type="text"/> |
| i. Berdisiplin | <input type="text"/> | s. Semangat kemasyarakatan | <input type="text"/> |
| j. Bertoleransi | <input type="text"/> | t. Lain-lain (Nyatakan:) | <input type="text"/> |

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

39.	Kesihatan keluarga kami terjejas akibat pandemik COVID-19.	1	2	3	4	5
40.	Keluarga kami mengalami tekanan emosi akibat pandemik COVID-19.	1	2	3	4	5
41.	Pendidikan anak kami terganggu akibat pandemik COVID-19.	1	2	3	4	5
42.	Peningkatan harga barangan selepas pandemik COVID-19 menjejaskan kesejahteraan keluarga kami.	1	2	3	4	5
43.	Pandemik COVID-19 menjejaskan kesejahteraan keluarga kami.	1	2	3	4	5
44.	Kediaman keluarga kami terjejas akibat bencana alam (seperti banjir, tanah runtuh, ribut atau puting beliung).	1	2	3	4	5
45.	Tempat kerja saya terjejas akibat bencana alam (seperti banjir, tanah runtuh, ribut atau puting beliung).	1	2	3	4	5
46.	Kenderaan kami rosak akibat bencana alam (seperti banjir, tanah runtuh, ribut atau puting beliung).	1	2	3	4	5
47.	Bencana alam menjejaskan kesejahteraan keluarga kami.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN C

Seksyen C1 ini mengandungi pernyataan mengenai **Hubungan Kekeluargaan** anda

48.	Sila nyatakan kepentingan Hubungan Kekeluargaan dalam Kesejahteraan Keluarga anda:										
	Tidak Penting										
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C1-1: Penglibatan Ibu Bapa

49.	Kami menggalakkan anak membantu kerja rumah.	1	2	3	4	5
50.	Kami mendidik anak menjadi seorang yang bertanggungjawab.	1	2	3	4	5
51.	Kami memberi perhatian pada aktiviti harian yang anak lakukan.	1	2	3	4	5
52.	Kami menunjukkan rasa kasih sayang kepada anak.	1	2	3	4	5
53.	Kami memuji anak apabila dia berkelakuan baik.	1	2	3	4	5
54.	Kami menyemak kerja rumah anak sekurang-kurangnya sekali seminggu.	1	2	3	4	5
55.	Kami hadir ke aktiviti/program sekolah anak (contoh: hari sukan, hari temu waris, dll).	1	2	3	4	5
56.	Kami menggalakkan anak berkongsi masalah dengan kami.	1	2	3	4	5
57.	Kami mengenali kawan-kawan anak kami.	1	2	3	4	5

C1-2: Kualiti Masa Bersama Keluarga

58.	Kami meluangkan masa berbual-bual dengan anak apabila mereka ingin bercakap tentang sesuatu perkara.	1	2	3	4	5
59.	Kami sekeluarga selalu melakukan aktiviti riadah bersama anak.	1	2	3	4	5
60.	Kami meluangkan masa melakukan aktiviti yang anak suka.	1	2	3	4	5
61.	Kami sekeluarga makan bersama-sama.	1	2	3	4	5
62.	Kami meraikan hari istimewa (hari lahir, ulang tahun perkahwinan, sambutan perayaan) bersama keluarga.	1	2	3	4	5
63.	Kami menonton televisyen/wayang bersama keluarga.	1	2	3	4	5
64.	Kami sentiasa mencari masa untuk bercuti bersama keluarga.	1	2	3	4	5

C1-3: Perhubungan Rapat						
65.	Kami sekeluarga mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
66.	Kami boleh bergantung kepada ahli keluarga apabila menghadapi masalah.	1	2	3	4	5
67.	Kami boleh berkongsi kerisauan dengan ahli keluarga pada bila-bila masa.	1	2	3	4	5
68.	Saya berasa cukup yakin dan selamat apabila bersama keluarga.	1	2	3	4	5

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C1-4: Imbangan Kerja-Keluarga						
69.	Kami berpuas hati dengan keseimbangan kerja dan kehidupan keluarga kami.	1	2	3	4	5
70.	Kerja dapat meningkatkan pengetahuan supaya keluarga menjadi lebih baik.	1	2	3	4	5
71.	Kerja memberi perasaan gembira dan membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik.	1	2	3	4	5
72.	Kerja membawa kami kepada kejayaan dan membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik.	1	2	3	4	5
73.	Kami berpeluang memilih waktu kerja anjal/fleksibel.	1	2	3	4	5
74.	Tekanan kerja tidak memberi kesan kepada keluarga kami.	1	2	3	4	5
75.	Kerja lebih masa/kerja kedua tidak memberi impak kepada kualiti masa saya dengan keluarga.	1	2	3	4	5
76.	Pasangan dan/atau saya tidak membawa perasaan negatif dari tempat kerja ke rumah.	1	2	3	4	5
77.	Pasangan dan/atau saya sentiasa berbincang tentang pengaturan penjagaan anak (<i>childcare arrangement</i>).	1	2	3	4	5
78.	Saya tidak melaksanakan urusan kerja semasa bersama keluarga.	1	2	3	4	5

C1-5: Kefungsian Keluarga						
79.	Kami boleh berkongsi tugas dan tanggungjawab dalam keluarga tanpa mengira gender.	1	2	3	4	5
80.	Anak lelaki dan anak perempuan juga diberi tanggungjawab yang sama membuat kerja rumah.	1	2	3	4	5
81.	Kami boleh menerima perbezaan keperibadian ahli keluarga (contoh perbezaan personaliti, pendapat, karakter, dll).	1	2	3	4	5
82.	Kami memberi peluang kepada ahli keluarga untuk menjelaskan sesuatu keadaan.	1	2	3	4	5
83.	Kami sentiasa berbincang dengan ahli keluarga dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan dengan keluarga.	1	2	3	4	5
84.	Kami mempunyai persekitaran keluarga yang bersifat memupuk dan membina ikatan kekeluargaan.	1	2	3	4	5

C1-6: Daya Tindak Keluarga (SEMASA berhadapan dengan masalah atau krisis)						
85.	Kami berkongsi masalah dengan ahli keluarga.	1	2	3	4	5
86.	Ahli keluarga saling memberi sokongan dalam masa kesulitan.	1	2	3	4	5
87.	Kami cuba mencari jalan penyelesaian segera apabila berhadapan dengan masalah.	1	2	3	4	5
88.	Kami tetap bersatu, tidak kira betapa susahnyanya keadaan.	1	2	3	4	5
89.	Kami boleh menghadapi kesukaran dan mencapai satu penyelesaian bersama.	1	2	3	4	5
90.	Kami boleh menyesuaikan diri apabila terdapat krisis dalam kalangan ahli keluarga.	1	2	3	4	5
91.	Kami tabah dalam menghadapi kesusahan.	1	2	3	4	5

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C1-7: Daya Tahan Keluarga (SELEPAS masalah atau krisis telah berlalu)						
92.	Kami sekeluarga cuba memahami semula apa yang berlaku.	1	2	3	4	5
93.	Kami tiada masalah untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan seharian.	1	2	3	4	5
94.	Kami tidak menuding jari atas kesalahan ahli keluarga.	1	2	3	4	5
95.	Kami berbincang tentang cara untuk mengelak situasi yang sama berlaku lagi.	1	2	3	4	5
96.	Kami mengambil iktibar dari apa yang telah berlaku.	1	2	3	4	5
97.	Kami berkongsi perasaan tentang masalah dihadapi bersama ahli keluarga.	1	2	3	4	5

Seksyen C2 ini mengandungi pernyataan mengenai **Ekonomi Keluarga** anda

98. Sila nyatakan tahap kepentingan **Ekonomi Keluarga** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting						Sangat Penting					
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

99. Berapakah anggaran nilai harta milikan keluarga anda (dalam RM)?

	RM
a. Tanah (anggaran RM)	
b. Rumah (anggaran RM)	
c. Lain-lain (anggaran RM)	

100. Berapakah anggaran **SIMPANAN BULANAN** keluarga anda untuk (dalam RM):

	RM
a. Hal Kecemasan Keluarga (RM)	
b. Pendidikan Keluarga (RM)	
c. Kesihatan Keluarga (RM)	
d. Lain-Lain (RM)	

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C2-1: Kesejahteraan Kewangan

101.	Keluarga kami tidak terbeban dengan hutang.	1	2	3	4	5
102.	Keadaan kewangan semasa keluarga kami adalah stabil.	1	2	3	4	5
103.	Keluarga kami dapat menyelesaikan bil-bil (cth. bil elektrik, bil air, hutang kad kredit, dll) setiap bulan	1	2	3	4	5
104.	Kami mempunyai wang simpanan mencukupi yang boleh digunakan sekiranya berlaku kecemasan.	1	2	3	4	5
105.	Taraf hidup keluarga kami adalah baik.	1	2	3	4	5

C2-2: Pengurusan Kewangan

106.	Keluarga kami menabung untuk masa hadapan.	1	2	3	4	5
107.	Kami mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi untuk keluarga kami.	1	2	3	4	5
108.	Keluarga kami mempunyai skim pelaburan (cth. ASB, Unit Amanah, dll) untuk masa hadapan.	1	2	3	4	5

Seksyen C3 ini mengandungi pernyataan mengenai **Kesihatan Keluarga** anda

108. Sila nyatakan kepentingan Kesihatan Keluarga dalam Kesejahteraan Keluarga anda:											
Tidak Penting						Sangat Penting					
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

109. Sila tandakan penyakit/masalah kesihatan yang dihadapi oleh keluarga anda:

a. Sakit Jantung	<input type="checkbox"/>	g. Lelah (Asma)	<input type="checkbox"/>
b. Tekanan Darah Tinggi	<input type="checkbox"/>	h. Masalah Kesihatan Mental	<input type="checkbox"/>
c. Kencing Manis (Diabetes)	<input type="checkbox"/>	i. Stress	<input type="checkbox"/>
d. Barah (Kanser)	<input type="checkbox"/>	j. Tiada Penyakit	<input type="checkbox"/>
e. Strok	<input type="checkbox"/>	k. Lain-lain	<input type="checkbox"/>
f. Orang Kurang Upaya (OKU)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>

110. Dalam seminggu lepas, berapa kalikah anda sekeluarga telah membuat aktiviti fizikal untuk kesihatan (riadah/bersenam)?

111. Dalam seminggu lepas, berapa kalikah anda sekeluarga telah mengamalkan konsep Pinggan Sihat Malaysia / 'suku-suku separuh' dalam makanan utama?

112. Dalam tahun ini, berapa kalikah anda sekeluarga membuat pemeriksaan kesihatan?

Sila tandakan tahap kesihatan keluarga anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C3-1: Amalan Kesihatan Keluarga						
113.	Hidangan harian kami adalah seimbang (mengandungi produk tenusu, sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin dan protein).	1	2	3	4	5
114.	Kami sekeluarga beriadah/bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.	1	2	3	4	5
115.	Kami ada menyimpan ubat-ubatan asas di rumah sekiranya ahli keluarga jatuh sakit (cth. ubat demam, ubat batuk, ubat selesema dll).	1	2	3	4	5
116.	Kami menjalankan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setahun.	1	2	3	4	5

Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik
1	2	3	4	5

C3-2: Kesihatan Umum						
117.	Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan umum keluarga kami sebagai:	1	2	3	4	5
118.	Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan fizikal* keluarga kami sebagai:	1	2	3	4	5
119.	Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan mental* keluarga kami sebagai:	1	2	3	4	5
120.	Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan sosial* keluarga kami sebagai:	1	2	3	4	5

***Nota:**

Kesihatan Fizikal : Merujuk kepada keadaan fizikal yang bebas dari penyakit atau kecederaan tubuh badan, dengan diet yang sihat dan senaman yang mencukupi.

Kesihatan Mental : Merujuk kepada kemampuan untuk tidur dengan baik, menumpukan perhatian pada tugas harian, menikmati rutin harian, tiada masalah berkaitan tekanan, dan lain-lain.

Kesihatan Sosial: Merujuk kepada hubungan/interaksi yang sihat dengan orang lain seperti ahli keluarga, jiran, rakan sekerja, dll.

Seksyen **C4** ini mengandungi pernyataan mengenai **Keselamatan Keluarga** anda

121.	Sila nyatakan kepentingan Keselamatan Keluarga dalam Kesejahteraan Keluarga anda:									
	Tidak Penting					Sangat Penting				
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C4-1: Keselamatan Keluarga						
122.	Kami peka dengan isu keselamatan keluarga (cth. penderaan, penculikan, ragut, pecah rumah, dll).	1	2	3	4	5
123.	Kami sentiasa berjaga-jaga dan mengambil langkah-langkah keselamatan (cth. rondaan komuniti setempat, memasang lampu, memasang kunci, CCTV, dll).	1	2	3	4	5
124.	Kami berasa selamat dalam rumah.	1	2	3	4	5
125.	Kami memastikan item berbahaya (cth. ubat-ubatan, item beracun, peralatan elektrik, dll) tidak mudah dicapai oleh anak.	1	2	3	4	5
126.	Kami mendidik anak tentang isu-isu keselamatan keluarga (cth. penculikan, pecah rumah, keselamatan jalan raya, dll).	1	2	3	4	5

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C4-2: Pengetahuan Kecemasan

127.	Kami tahu menggunakan alat pemadam api.	1	2	3	4	5
128.	Kami tahu menggunakan alat perubatan kecemasan di rumah (cth. ubat luka, antiseptik, kain pembalut, plaster, kapas, dll).	1	2	3	4	5
129.	Kami ada pelan menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan.	1	2	3	4	5
130.	Kami mengetahui nombor telefon kecemasan untuk dihubungi.	1	2	3	4	5
131.	Kami mempunyai pengetahuan asas pertolongan cemas.	1	2	3	4	5

Seksyen C5 ini mengandungi pernyataan mengenai **Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

132. Sila nyatakan kepentingan **Keterlibatan Komuniti** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting					Sangat Penting				
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C5-1: Kerjasama Dalam Komuniti

133.	Kami mengetahui siapa yang perlu dihubungi apabila memerlukan pertolongan dalam kawasan kejiranan.	1	2	3	4	5
134.	Kami memberi sumbangan bagi membantu komuniti (cth. sumbangan kewangan, sumbangan tenaga, sumbangan idea, dll).	1	2	3	4	5
135.	Kami mengambil bahagian dalam aktiviti kejiranan (cth. gotong royong, perbincangan, dll.).	1	2	3	4	5
136.	Kami berkongsi maklumat atau memberi maklum balas dalam komuniti (cth. papan buletin, kumpulan <i>WhatsApp</i> , dll.).	1	2	3	4	5

C5-2: Hubungan Dalam Komuniti

137.	Kami mempunyai hubungan yang baik dengan jiran tetangga.	1	2	3	4	5
138.	Kami sayang komuniti kami.	1	2	3	4	5
139.	Kami selalu bertegur sapa dengan jiran kami.	1	2	3	4	5
140.	Kami menjemput jiran-jiran ke rumah pada hari-hari perayaan atau majlis tertentu (cth. kenduri kahwin, sambutan hari lahir, dll.).	1	2	3	4	5
141.	Kami boleh bergantung pada jiran tetangga untuk menjaga rumah kami apabila kami tiada di rumah.	1	2	3	4	5

Seksyen C6 ini mengandungi pernyataan mengenai **Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

142.	Sila nyatakan kepentingan Peranan Agama dan Amalan Kerohanian Keluarga dalam Kesejahteraan Keluarga anda:									
	Tidak Penting					Sangat Penting				
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C6-1: Peranan Agama						
143.	Kepercayaan kepada agama mempengaruhi cara kehidupan kami.	1	2	3	4	5
144.	Kepercayaan kepada agama membentuk prinsip moral kami.	1	2	3	4	5
145.	Agama memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kami.	1	2	3	4	5
146.	Anak-anak kami membesar dengan pegangan agama.	1	2	3	4	5
147.	Anak-anak kami membesar dengan amalan agama.	1	2	3	4	5

C6-2: Amalan Kerohanian						
148.	Kami melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan/kerohanian (cth. zikir, mantra, mengaji, puasa, dll.).	1	2	3	4	5
149.	Kami mengamalkan ajaran agama (cth. berbuat baik kepada orang lain, dll) berdasarkan buku/kitab keagamaan/kerohanian.	1	2	3	4	5
150.	Kami berbual tentang topik keagamaan/kerohanian antara ahli keluarga.	1	2	3	4	5
151.	Kami hadir ke aktiviti keagamaan di tempat ibadat.	1	2	3	4	5
152.	Kami mengikuti aktiviti keagamaan secara dalam talian (cth. mendengar ceramah di <i>YouTube</i> , membaca ilmu agama di web).	1	2	3	4	5

Seksyen C7 ini mengandungi pernyataan mengenai **Perumahan dan Persekitaran**

153.	Sila nyatakan kepentingan Perumahan dan Persekitaran dalam Kesejahteraan Keluarga anda:										
	Tidak Penting					Sangat Penting					
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C7-1: Kawasan Perumahan

154.	Kami mudah mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan tempat tinggal.	1	2	3	4	5
155.	Kemudahan asas (cth. bekalan air dan elektrik) dalam kawasan tempat tinggal adalah memuaskan.	1	2	3	4	5
156.	Kemudahan bantuan kemasyarakatan (cth. RELA, Polis Bantuan, dll) mudah didapati.	1	2	3	4	5
157.	Prasarana (cth. pejabat pos, kedai runcit, padang permainan, pili bomba, dll.) mencukupi di kawasan tempat tinggal.	1	2	3	4	5
158.	Kami mempunyai akses kepada kemudahan 3R (<i>Reduce, Reuse, Recycle</i>) di kawasan tempat tinggal kami.	1	2	3	4	5
159.	Capaian Internet dalam kawasan tempat tinggal kami adalah memuaskan.	1	2	3	4	5

C7-2: Kebersihan Persekitaran

160.	Kami tidak mencetak resit (penyata bank, bil, dll) untuk mengurangkan penggunaan kertas.	1	2	3	4	5
161.	Kami mengasingkan sampah (boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula) di rumah.	1	2	3	4	5
162.	Kami menggunakan beg guna semula untuk elak guna beg plastik.	1	2	3	4	5
163.	Kami menghasilkan bahan baharu daripada bahan kitar semula (cth. baja kompos, bahan hiasan, dll).	1	2	3	4	5
164.	Kami menjual semula bahan yang tidak digunakan bagi menambah pendapatan.	1	2	3	4	5
165.	Keluarga kami meneruskan amalan sanitasi walaupun pandemik telah berakhir.	1	2	3	4	5
166.	Kami menasihatkan ahli keluarga untuk menjaga kebersihan tandas awam.	1	2	3	4	5

C7-3: Tahap Pencemaran						
167.	Tahap pencemaran di kawasan tempat tinggal adalah rendah.	1	2	3	4	5
168.	Sampah sarap di kawasan tempat tinggal diselenggara dengan baik.	1	2	3	4	5
169.	Sistem perparitan di kawasan tempat tinggal diselenggara dengan baik.	1	2	3	4	5
170.	Kawasan tempat tinggal tidak terdedah kepada kebisingan.	1	2	3	4	5

Seksyen C8 ini mengandungi pernyataan mengenai **Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

171.	Sila nyatakan kepentingan Teknologi Komunikasi dalam Kesejahteraan Keluarga anda:									
	Tidak Penting					Sangat Penting				
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Sila tandakan tahap persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

C8-1: Pemanfaatan Digital						
172.	Hubungan sesama ahli keluarga kami semakin erat dengan menggunakan alat telekomunikasi.	1	2	3	4	5
173.	Keluarga kami mempunyai lebih banyak topik perbualan disebabkan perkongsian berita melalui aplikasi komunikasi.	1	2	3	4	5
174.	Internet menjadi aktiviti hiburan bersama-sama keluarga kami.	1	2	3	4	5
175.	Aplikasi perbankan dalam talian memudahkan pengurusan kewangan keluarga kami.	1	2	3	4	5
176.	Aplikasi e-kesihatan memudahkan urusan kesihatan keluarga kami.	1	2	3	4	5
177.	Internet menambah maklumat tentang kesihatan kepada ahli keluarga kami.	1	2	3	4	5
178.	Kami banyak belajar dari Internet (cth. <i>YouTube, Facebook, Google</i>).	1	2	3	4	5
179.	Pembelajaran dalam talian meningkatkan penguasaan akademik anak kami.	1	2	3	4	5

C8-2: Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi						
180.	Saya menjadi kawan media sosial (cth. <i>Facebook, Twitter, Instagram</i>) anak bagi mengawal mereka.	1	2	3	4	5
181.	Kami mempunyai peraturan keluarga yang khusus berkaitan penggunaan teknologi komunikasi.	1	2	3	4	5
182.	Kami sentiasa mengawal/memantau laman-laman sesawang yang diakses/dilawati oleh anak.	1	2	3	4	5
183.	Kami mendidik anak tentang risiko dan bahaya Internet.	1	2	3	4	5
184.	Kami mendidik anak supaya tahu melindungi diri sendiri apabila menggunakan Internet (cth. tidak kongsi maklumat peribadi dengan orang luar, penggunaan kata kunci, dll.).	1	2	3	4	5

BORANG SOAL SELIDIK TAMAT